

## Sultan Perak rasmi Gerbang Suria UPSI

Tanjong Malim, 23 April - Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah hari ini berkenan merasmikan Gerbang Suria Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), yang terletak di UPSI Sports City, di sini.

Gerbang Suria merupakan dewan terbuka pertama di Malaysia yang berdasarkan tenaga solar, dengan pemasangan 1,440 modul solar di atas bumbung seluas 3,772 meter persegi. Inisiatif ini mencerminkan komitmen UPSI terhadap kelestarian dan teknologi hijau dalam pembangunan infrastrukturnya.

Turut mengiringi baginda, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim. Ketibaan baginda berdua disambut oleh Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Pro-Canselor UPSI, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Zakri Abdul Hamid; serta Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff.

Dalam sembah ucapannya, Md Amin berkata gagasan daripada titah Sultan Nazrin telah memberi inspirasi kepada penyelidik UPSI bersama Syarikat Synergy Generated and UPSI Holdings Sdn Bhd untuk membina sebuah Gerbang Suria ataupun dewan solar mega dengan keluasan lebih 12,500 kaki persegi.

"Gerbang Suria UPSI berkonsepkan zero capex ini berjaya mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 2,800 tan setahun, menjimatkan kos pembinaan sebanyak RM5 juta.

"Selain itu, ia menjimatkan bil elektrik RM2 juta setahun, menjimatkan sewaan khemah upacara sebanyak RM500,000 setahun dan mampu menjana hingga RM350,000 setahun melalui sewaan pelbagai program yang dilaksanakan di gerbang berkenaan," katanya. Selain berfungsi sebagai infrastruktur mampan, Gerbang Suria juga dijadikan ruang acara serbaguna yang boleh disewa oleh pihak luar, selaras dengan usaha universiti dalam mengoptimumkan aset dan

menjana pendapatan secara lestari.

Dalam majlis sama, Sultan Nazrin dan Tuanku Zara turut berkenan menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara UPSI, Institut Darul Ridzuan (IDR), dan Singapore University of Social Sciences (SUSS) dari Singapura. Kerjasama ini bertujuan memperkuuh penyelidikan serta pembangunan dalam bidang ekonomi penjagaan, sejarah dengan aspirasi Perak Sejahtera 2030.

Baginda berdua juga meluangkan masa menghadiri majlis santapan sempena Sambutan Aidilfitri UPSI 2025 serta melawat gerai makanan dan pameran yang disediakan khas untuk majlis tersebut.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

general education curriculum  
essica Bowman, PhD

321.  
4.



## Program Bicara Pendidikan Inklusif UPSI - Universiti Minnesota Perkenal 'Adaptive Inclusive Education Roadmap'

Tanjong Malim, 25 April - Universiti Pendidikan Sultan Idris menerusi Pusat Kajian Inklusif bagi Komuniti dan Orang Kurang Upaya (CIRCLE) terus memperkuuhkan komitmen dalam bidang pendidikan khas dan inklusif apabila berjaya menganjurkan Program Bicara Pendidikan bertajuk "Adaptive Inclusive Education Roadmap into Malaysian Context" bersama pakar antarabangsa dari University of Minnesota, Amerika Syarikat. Program yang diadakan selama dua hari ini, melibatkan dua sesi utama yang berlangsung pada 23 April bertempat di Bilik Mesyuarat Sekolah Rendah Suluh Budiman dan 25 April di Dewan Kuliah Pusat 2 (DKP2), UPSI.

Penganjuran ini mendapat kerjasama erat daripada pihak Sekolah Rendah Seri Budiman, sekaligus memperlihatkan keterlibatan langsung sekolah dalam memacu pendidikan inklusif di peringkat akar umbi. Delegasi University of Minnesota yang diketuai oleh Pengarah TIES Center, Institute of Community Integration, Profesor Dr. Kristin Liu dan Penolong Pengarah TIES Center serta Penyelidik di University of Minnesota, Dr. Jessica Bowman membawakan wacana akademik

## Integrity Talk Siri 2 Perkuuh Budaya Integriti Warga UPSI

Tanjong Malim, 25 April - Unit Integriti dengan kerjasama Bahagian Governan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) meneruskan komitmennya dalam memperkuuh budaya integriti dan akauntabiliti dalam kalangan warga universiti menerusi penganjuran program Integrity Talk Siri2/2025. Program ini menggarap isu penting berkaitan etika, budaya kerja berintegriti dan tanggungjawab profesional warga universiti. Program yang berlangsung secara hibrid telah menarik penyertaan warga UPSI daripada pelbagai

bertaraf antarabangsa dalam bidang pendidikan khas.

Sesi pertama mengetengahkan pembentangan Profesor Dr. Kristin Liu mengenai Inclusive Assessment: Ensuring Students with Disabilities Count, yang menekankan kepada amalan penilaian inklusif di Amerika Syarikat termasuklah perundangan, strategi bilik darjah dan alternatif penilaian untuk pelajar berkeperluan khas. Profesor Dr. Kristin turut berkongsi strategi pengajaran untuk pelajar yang berstatus dwibahasa dan mempunyai keperluan khas, di bawah topik Inclusive Education and Multilingual Learners with Disabilities.

Sesi kedua pula menampilkan Dr. Jessica Bowman yang membincangkan pendekatan Universal Design for Learning (UDL) dalam kurikulum umum, yang menekankan bagaimana reka bentuk pengajaran yang inklusif mampu mengurangkan halangan dalam proses pembelajaran.

Beliau turut menerangkan pendekatan integratif dalam menggabungkan teknik pengajaran matematik untuk pelajar berkeperluan khas melalui sesi bertajuk Inclusive Education and Mathematics.

lapisan termasuk pihak pengurusan, pensyarah, kakitangan sokongan mahupun pelajar.

Sesi perkongsian yang disampaikan oleh Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman sangat bermakna dan menyentuh nilai-nilai teras yang membentuk jati diri warga universiti. Beliau menegaskan bahawa Kod Etika dan Tatakelakuan UPSI bukanlah sekadar dokumen pentadbiran, tetapi satu manifestasi prinsip hidup yang perlu dijadikan budaya dan diamalkan setiap hari oleh semua warga Universiti.



## Graduan Program Pengiklanan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak UPSI menjadi rebutan majikan

UPSI mencipta kecemerlangan apabila dua program utamanya iaitu Pengiklanan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak diiktiraf untuk menerima Employers' Choice Award 2025 daripada Talentbank melalui penarafan rasmi dalam Talentbank's National Graduate Employability Index (GE Index 2025) baru-baru ini.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata pengiktirafan ini diberikan berdasarkan penarafan kebolehpasaran graduan mengikut bidang pengajian, yang menjadi rujukan penting kepada lepasan sekolah dan ibu bapa dalam memilih institusi pengajian tinggi yang menjanjikan peluang kerjaya lebih cerah selepas tamat pengajian. Menurut beliau

GE Index memberi keutamaan kepada bidang pengajian yang selari dengan keperluan industri semasa, dengan tujuan memastikan pelajar memilih program pengajian yang memberikan nilai tambah sebenar kepada masa depan kerjaya mereka. Pemeringkatan ini, katanya, menampilkan institusi yang mempunyai rekod cemerlang dalam melahirkan graduan yang bersedia kerja (job-ready graduates).

"Graduan UPSI dalam bidang Pengiklanan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak masing-masing menerima penarafan tertinggi, iaitu enam bintang, menjadikan kedua-dua program ini antara yang paling dijakini oleh industri dari segi kebolehan, daya tahan dan kesediaan profesional.

"Pengiktirafan ini membuktikan UPSI kekal sebagai pilihan utama dalam membentuk graduan berkemahiran tinggi, bersahsiah, dan bersedia menyumbang kepada masyarakat dan industri," katanya. Beliau berkata penilaian ini turut menyumbang kepada peningkatan reputasi institusi di peringkat nasional dan antarabangsa, keyakinan majikan dalam merekrut graduan UPSI, keutamaan pemilihan dari kalangan pelajar dan ibu bapa serta kejayaan alumni yang mencipta impak di pelbagai sektor kerjaya.

Majlis penganugerahan itu diadakan pada 22 April lalu yang berlangsung di EQ, Kuala Lumpur, bersempena sambutan ulang tahun ke-15 Talentbank dan Rumah Terbuka Hari Raya.



**Putrajaya**  
**Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia**



**Tanjong Malim**  
**Demi Membantu Anak-anak Sabah- Kunjungan BKNS dan Badan Penaja Lain ke UPSI Bawa Berita Gembira kepada Pelajar Sabah UPSI**



**Tanjong Malim**  
**Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anak Kandung Suluh Budiman**



**Tanjong Malim**  
**Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Anjuran Majlis Profesor (CENDEKIA)**

